

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI  
YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi di Malaysia dan senaraikan mengikut kaum, dan jumlah orang yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pengundi, senaraikan mengikut kaum.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih di Malaysia sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 13,622,143 orang. Manakala jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan keatas yang layak mendaftar tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga Daftar Pemilih ST 2/2016 adalah sebanyak 4,373,708 orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menyediakan perincian maklumat daftar pemilih berkenaan mengikut kategori kaum.

Sekian, terima kasih.